



**JABATAN PELESENAN DAN PEMBANGUNAN USAHAWAN  
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

**PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN**

Tuan / Puan,

**NOTIS ARAHAN MEMOHON LESEN PERNIAGAAN DALAM TALIAN  
(DI KAWASAN KEDIAMAN)**

Saya dengan segala hormatnya, merujuk kepada perkara di atas.

2. Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) melalui **Garis Panduan Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan Dalam Talian Negeri Selangor 2022** oleh Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor dan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (MPAJ) 2007**, di bawah Seksyen 3 memperuntukkan 'Tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian atau menggunakan mana-mana tempat atau premis dalam kawasan Majlis bagi apa-apa aktiviti tred, perniagaan dan perindustrian tanpa suatu lesen dikeluarkan oleh 'Pihak Berkuasa Melesen'.
  
3. Untuk makluman, pihak tuan/ puan, hasil semakan mendapati premis perniagaan tuan/ puan adalah terlibat di dalam perlaksanaan aktiviti Perniagaan Dalam Talian yang dijalankan. Tuan/puan hendaklah mengemukakan permohonan lesen perniagaan kepada pihak Majlis dengan kadar segera (rujuk Notis Pemberitahuan).

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan diberi tempoh 7 (tujuh) hari bekerja dari tarikh penerimaan notis ini untuk mematuhi arahan tersebut. Sekiranya pihak tuan/puan didapati gagal mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak Majlis, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan tanpa sebarang notis.
5. Sebarang pertanyaan, boleh terus berhubung dengan pegawai bertugas di **Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan, Majlis Perbandaran Ampang Jaya** di talian **03 42857344/ 7170**. Kerjasama daripada pihak tuan/puan di dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

**“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MARLINA BINTI MOHAMAD PPC)**

Pengarah  
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan  
b/p Yang DiPertua  
Majlis Perbandaran Ampang Jaya

PPT JULIA

**CARTA ALIR TATACARA MEMOHON LESEN PERNIAGAAN DALAM  
TALIAN**  
**(DI KEDIAMAN)**

